

Surat khabar: Berita Harian ( Nasional )

Hari/Tarikh: 16/9/2013

Muka surat: 11

Tajuk : Penilaian Awal Selepas Setahun.

# Penilaian awal selepas setahun

» Setiap 6 bulan sekali dinilai lagi pastikan strategi capai matlamat

Oleh Nazura Ngah  
dan Lum Chee Hong  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

**P**enilaian awal terhadap lima strategi merangkumi 30 pembaharuan dan penambahbaikan bagi memperkasakan ekonomi Bumiputera perlu diumumkan selepas setahun pelaksanaannya secara telus.

Penilaian kedua dan seterusnya perlu dilakukan setiap enam bulan sekali bagi me-

mastikan strategi diumumkan Datuk Seri Najib Razak, kelmarin mencapai matlamat, sekali gus memastikan negara berada pada landasan tepat menuju Wawasan 2020.

Pensyarah Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Amir Baharuddin, berkata semua pihak khususnya agensi pelaksana seperti UDA, MARA dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) memikul beban dan amanah bagi pihak kerajaan dan rakyat.

## PM kota janji

Katanya, pengumuman Perdana Menteri kelmarin perlu dilihat dalam konteks positif kerana secara langsung dan tidak langsung, Perdana Menteri mengotakkan janji kepada Melayu dan Bumiputera dalam memperkasakan ekonomi golongan berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, pada masa sama Perdana Menteri memberi jaminan bangsa lain tidak perlu bimbang kerana hak mereka masih dijamin serta tidak akan ditinggalkan dalam pembangunan ekonomi negara.

“Jika ekonomi Bumiputera diperkuuhkan dan diperkasaikan, kesannya secara langsung dan tidak langsung akan mengukuhkan kedudukan ekonomi bukan Bumiputera,” katanya.

Amir berkata, semua pihak perlu sedar peranan masing-masing dan secara analoginya boleh diibaratkan seperti bermain bola sepak apabila Perdana Menteri sudah memberi bola kepada Bumiputera.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Dr Shazali Abu Mansor, berkata, strategi memperkasakan ekonomi Bumiputera itu bagi

memantapkan pelaksanaan pelbagai dasar ekonomi yang diperkenalkan sebelum ini.

Katanya, strategi itu dilihat mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai mekanisme antara-nya peningkatan jumlah dana dan produktiviti yang mampu dimanfaatkan secara bersama oleh masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata, pengumuman itu tidak seharusnya ditakuti kaum lain di negara ini, sebaliknya langkah dan inisiatif yang diumumkan itu mampu merancakkan ekonomi secara keseluruhan.

“Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada Ketua Pegawai Eksekutif di GLC (syarikat berkaitan kerajaan) terhadap penyertaan Bumiputera menjadi pemantau kepada pertumbuhan ekonomi Bumiputera khususnya dalam pemilikan hartanah dan ekuiti,” katanya.